

Pemuda minta kerajaan utamakan luar bandar

SUNGAI SIPUT, Ahad — Pergerakan Pemuda Umno hari ini mendesak kerajaan menyalurkan dua pertiga daripada peruntukan pembangunan negara ke luar bandar sebagai menghargai jasa penduduk kampung yang masih terus menyokong parti itu.

Ketuanya, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, berkata walaupun Umno mengalami pelbagai krisis sebelum ini, keyakinan masyarakat kampung terhadap Umno tidak tergugat.

Katanya, ini terbukti dengan kejayaan yang dicapai oleh calon Umno dan juga Barisan Nasional dalam setiap pilihanraya kecil di luar bandar.

"Kawasan luar bandar adalah benteng utama penyokong Umno. Pergerakan Pemuda minta kerajaan mengutamakan penduduk kampung kerana mereka setia kepada parti dan golongan inilah yang lebih berhak menikmati hasil kemajuan serta kemewahan negara yang dicapai melalui perjuangan Umno," katanya ketika berucap di majlis perasmian kampung angkat, Kampung Bekut, Sungai Siput dekat sini.

Sehubungan itu, Datuk Seri Mohd Najib mengingatkan penduduk kampung supaya tidak sahaja menilai pembangunan berdasarkan kebendaan atau kepada jumlah projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sebaliknya, katanya, mereka harus mengambil kira semua aspek pembangunan khususnya ilmu pengetahuan.

"Orang Melayu mesti meningkatkan ilmu pengetahuan kerana kemewahan yang dicapai tidak akan bermakna tanpa ilmu pengetahuan. Pelajaran dapat mengubah nasib dan meninggikan maruah manusia.

"Semangat sahaja tidak cukup kerana mereka mesti berusaha memajukan diri sendiri supaya tidak digelar masyarakat subsidi," katanya.

Belliau yang juga Menteri Belia dan Sukan memuji konsep kampung angkat kerana cara itu memudahkan kerajaan menyalurkan pelbagai bantuan.

Belliau kemudian meluluskan bantuan kewangan \$25,000 kepada Pergerakan Pemuda Umno bahagian Sungai Siput bagi melaksanakan projek pembangunan di Kampung Bekut, Kampung Kemiri dan Kampung Raja Intan Suraya.

Di majlis itu Datuk Seri Mohd Najib juga menyerahkan bantuan benih pokok dan 20 ekor lembu kepada penduduk Kampung Bekut.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata hampir dua pertiga daripada golongan serpihan yang dianggap 'pengacau' sudah kembali menyertai Umno.

"Ramai juga yang buat kenyataan di akhbar mahu balik kepada Umno. Ahli Umno di setiap bahagian juga makin bertambah dari semasa ke semasa, malah melebihi daripada yang dijangkakan," katanya.